

21/09/1999

Mesyuarat jawatankuasa kerja Mapen II lancar

KUALA LUMPUR, Isnin - Mesyuarat tujuh jawatankuasa kerja dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) berjalan lancar dan dijangka dapat mengemukakan laporan awal Januari depan seperti yang dijadual.

Penolong Ketua Jurulapor Mapen II, Dr Denison Jayasooria, berkata kebanyakan jawatankuasa terbabit giat mengumpul maklumat yang bermanfaat serta mengadakan mesyuarat mingguan.

"Anggota jawatankuasa juga sudah diberi taklimat oleh pakar serta ahli akademik mengenai perkara berkaitan tanggungjawab masing-masing.

"Mereka dijangka membentangkan laporan terperinci dalam mesyuarat kedua Mapen II yang dijadual bermula 10 Januari depan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Mapen II, yang dianggotai 155 wakil pelbagai pertubuhan dan kumpulan serta individu, dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Ogos lalu.

Tujuh jawatankuasa yang ditubuhkan ialah Kewangan dan Perbankan Islam; Sains dan Teknologi; Perpaduan Negara; Penyusunan Semula Masyarakat; Pembasmian Kemiskinan; Ekonomi dan Daya Saing Negara serta Pembangunan Sumber Manusia.

Jawatankuasa terbabit akan menjadi forum untuk mengetengahkan idea kepada Mapen II yang akan dimanfaatkan bagi merencana perubahan paradigma demi merancang masa depan negara.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Negara, Datuk Lee Lam Thye, pula berkata beberapa sesi mesyuarat sudah diadakan selepas menerima taklimat Jabatan Perpaduan Negara dan semua persediaan berjalan lancar.

"Jawatankuasa ini turut diberi penjelasan mengenai peranan perpaduan dalam Dasar Pembangunan Negara (DEB) yang akan menjadi titik tolak untuk menilai keadaan semasa dan merumus cadangan bersesuaian," katanya ketika dihubungi hari ini.

Mesyuarat peringkat jawatankuasa kerja dijadualkan pada Januari hingga April depan, dengan laporan awal dijangka dibentangkan serentak dengan mesyuarat ketiga Mapen II pada 4 dan 5 Mei tahun depan.

Mesyuarat itu disambung semula pada Mei hingga Julai 2000, manakala pembentangan laporan akhir dijadual pada 7 dan 8 Ogos.

Berdasarkan jadual, laporan akhir akan diserahkan kepada Perdana Menteri pada September 2000 untuk dibentangkan dalam Kabinet bagi tindakan lanjut.

(END)